

PREMIS DIDENDA RM 36,000.00 DI MAHKAMAH SESYEN, MELAKA

22 Julai 2022, MELAKA - Dimaklumkan bahawa sebuah premis pulihguna buangan terjadual Trimax Metal Sdn. Bhd. telah disabitkan kesalahan di Mahkamah Sesyen, Melaka pada hari ini.

Pihak premis telah membina Sistem Kawalan Pencemaran Udara tanpa mengemukakan Pemberitahuan Bertulis terlebih dahulu kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling serta telah membuat perubahan pada alat pembakaran bahan api tanpa mengemukakan Pemberitahuan Bertulis terlebih dahulu kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling. Pihak premis juga didapati telah mengganggu Arahan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) dibawah Seksyen 38(1)(c), Akta Kualiti Alam Sekeliling, Akta 127.

Pihak premis telah mengaku bersalah ke atas ketiga-tiga pertuduhan di bawah Peraturan-Peraturan 5(1)(b), 5(1)(d) Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 dan Seksyen 48AD(b), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 36,000.00.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka tidak akan berkompromi terhadap penjenayah yang melakukan sebarang jenis pencemaran alam sekitar. Sebarang aduan boleh hubungi di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan.doe.gov.my/eaduanp/index.php>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama